

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Noraini binti Ahmad
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 02.04.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 34

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah pencapaian-pencapaian Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan bilangan usahawan-usahawan wanita yang telah berjaya membina perniagaan mereka di bawah bimbingan RTC sejak penubuhannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan pencapaian RTC pada tahun 2013, sebanyak 191 kursus/seminar telah diadakan di RTC yang memberi manfaat kepada hampir 5,030 peserta. Peserta telah mendapat faedah melalui penyertaan di dalam kursus/seminar antaranya seperti '*Waste to Wealth*', Pertanian Organik, Kursus Kek dan Pastri, Kursus Keusahawanan dan Kursus Pengendalian Jentera Berat.

Dalam tempoh yang sama juga, pelaksanaan ladang kontrak di bawah Inisiatif 3 misalnya berjaya menjana pendapatan kepada hampir 513 penduduk di kawasan RTC dengan nilai jualan melebihi RM41.76 juta yang melibatkan 869 hektar tanah. Pelaksanaan inisiatif ke-4 RTC iaitu Pemprosesan Produk Agro Makanan telah membantu 1,291 usahawan daripada segi latihan, konsultasi, pembungkusan dan promosi produk-produk mereka yang turut membantu memberi nilai tambah dan meningkatkan pendapatan usahawan.

Pelaksanaan Inisiatif Ke-7, Perkhidmatan Kesihatan 1Malaysia juga telah membantu 243 syarikat tempatan mendapat persijilan "Mesti" (Makanan Selamat, Tanggungjawab Industri) daripada Kementerian Kesihatan. Seramai 12,625 komuniti luar bandar juga telah mendapat perkhidmatan kesihatan daripada Klinik 1Malaysia dan Klinik bergerak yang disediakan di RTC.

Merujuk kepada bilangan usahawan wanita di RTC, sehingga kini, seramai 374 orang usahawan wanita telah dibantu dalam perniagaan dan mendapat manfaat daripada penubuhan RTC.